

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 31 / 10 / 2009



Dr. Mahathir nafi Proton akan dijual

UM - 31/10/09

KUALA LUMPUR 30 Okt. – Tun Dr. Mahathir Mohamad (gambar) selaku Penasihat Proton Holdings Berhad (Proton) memberi jaminan bahawa syarikat pengeluar kereta nasional itu tidak akan dijual kepada mana-mana pihak dalam masa terdekat ini.

Bagaimanapun, kata beliau, memang ada usaha sedang dilakukan untuk mencari rakan pembangunan teknologi yang sesuai untuk Proton.

Bekas Perdana Menteri berkata, be-

liau telah memberitahu kepada Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Proton bahawa syarikat itu bukan untuk dijual.

“Namun saya rasa, saya perlu juga memberi jaminan yang sama kepada staf kanan dan para pekerja Proton bahawa tidak ada rancangan untuk berbuat demikian dalam masa terdekat,” katanya dalam blog <http://chedet.co.cc>.

Dr. Mahathir berkata, beliau perlu memberikan jaminan berkenaan ke-

rana tidak mahu moral para pekerja Proton terganggu dengan khabar angin yang mengatakan syarikat itu akan dijual.

Beliau menyedari pekerja Proton bimbang akan kehilangan pekerjaan seperti yang berlaku di tempat lain apabila pengurusan baru mengambil alih sesuatu syarikat.

Jelas beliau, Proton sedang melalui proses untuk kembali kukuh dan moral pekerja harus dijaga terutama di kala mereka sedang bersung-

guh-sungguh membantu menyelamatkan Proton.

“Saya pun agak sibuk dengan rancangan untuk memperkukuhkan kembali syarikat itu,” katanya.

Dr. Mahathir mengakui bahawa beliau agak terganggu dengan beberapa laporan akhbar yang menyatakan Proton akan dijual.

Namun beliau juga gembira kerana Proton menampakkan potensi untuk terus berkembang dan banyak modelnya yang laku di pasaran.